

Rombongan PM, menteri lawat Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz

BH 16 JAN 2001

KLANG, Isnin – Seri Paduka Baginda Yang di-Perluan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah, hari ini meraikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri Kabinet ke Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di sini.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut disertai Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Galeri itu, adalah tarikan terbaru pelancongan di Bandar Diraja ini yang mempamerkan pelbagai koleksi Seri Paduka, antaranya koleksi pelbagai keris baginda.

Antara koleksi menarik yang dipamerkan di galeri diraja itu ialah tengkorak kepala buaya sepanjang 6.7 meter (22 kaki) yang pernah mengganas di Sungai Klang suatu masa dulu.

Seri Paduka meluangkan masa hampir sejam menunjukkan kepada Perdana Menteri dan tetamu

lain koleksi menarik di galeri itu.

Ia menempatkan koleksi persendirian baginda, hadiah, dan cenderamata persembahan rakyat jelata serta tetamu dari dalam dan luar negara serta peninggalan kerabat diraja Selangor.

Galeri diraja itu yang dirasmikan Raja Permaisuri Agong pada Mac 1999 dan dikhaskan untuk kerabat diraja dan tetamu khas, mula dibuka kepada umum sejak 10 November lalu.

Selepas lawatan itu, Seri Paduka Baginda meraikan

Perdana Menteri dan tetamu kehormat lain ke majlis santapan tengah hari di Istana Kenangan yang terletak berhampiran galeri diraja itu.

Tetamu kehormat lain ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.